

Imej Sosial dan Kemasyarakatan Satu Perbandingan dalam Hasil Karya Catan Tiga Orang Pelukis Negeri Kedah

Azizah Ibrahim, Surayah Hj Bongsu, dan Musnin Misdi

Universiti Malaysia Sabah
azizahibrahim706@gmail.com; rinnsuraya_rsb@yahoo.com;
musninmisdi67@ums.edu.my

ABSTRAK

Imej sosial dan kemasyarakatan merupakan perlambangan yang mencakupi seluruh cara hidup masyarakat atau seluruh aspek pemikiran dan tingkah laku manusia yang diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi yang lain. Tema imej sosial dan kemasyarakatan mempunyai kaitan dengan budaya setempat yang memberi peranan besar dalam seni catan tanah air. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji unsur sosial dan kemasyarakatan yang terdapat dalam hasil karya catan negeri Kedah dan membuat perbandingan hasil karya catan melalui proses penghasilan karya catan. Kupasan akan dibuat berdasarkan perbandingan karya catan yang dilukis oleh tiga orang pelukis Negeri Kedah sebagai kajian perbincangan dengan menjelaskan deskripsi bentuk fizikalnya, menganalisis aspek formalistik serta menginterpretasikan makna dalam hasil karya seni catan. Akhir sekali perbincangan ini akan melihat kepada tema imej sosial dan kemasyarakatan keseluruhan karya seni catan. Terdapat empat tema utama yang diutarakan dalam sosial dan kemasyarakatan antaranya tema kekeluargaan, aktiviti harian, ekonomi dan pertanian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan penghuraian secara deskriptif melalui analisis karya-karya pelukis Negeri Kedah menggunakan teori Edmund Burke Feldman yang membahagikan kepada empat langkah iaitu deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan. Data-data yang diperolehi adalah melalui hasil penyelidikan secara pemerhatian dan temubual. Dapatan menunjukkan tema kekeluargaan dan aktiviti harian lebih mempengaruhi hasil karya catan pelukis negeri Kedah, namun tema kekeluargaan dan tema ekonomi dan tema pertanian juga turut memberi kesan yang mendalam dalam hasil karya catan. Imej Sosial dan dalam catan telah memberi pengetahuan baru kepada masyarakat akan datang tentang gambaran kebudayaan masyarakat zaman dahulu.

Kata kunci: Sosial dan kemasyarakatan, catan, pelukis negeri Kedah

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian tentang kebudayaan sewajar menjadi kesinambungan secara berterusan oleh pelukis masa akan datang. Pengkaji melihat satu keperluan bagi pelukis tempatan untuk meneruskan penghasilan karya catan yang bertemakan kebudayaan. Kebudayaan adalah meliputi apa saja imej atau objek yang terdapat dalam masyarakat sama ada dalam bentuk pemikiran falsafah dan nilai, alatan, dan pengucapan awam. Budaya dalam seni catan seharusnya dirakam dalam bentuk visual bagi mengekalkan identiti kebudayaan itu sendiri. Elemen budaya dan masyarakat tempatan diharapkan akan terus menjadi tema dalam karya seni untuk generasi akan datang agar seni dan budaya tidak akan terpinggir begitu sahaja. Antara yang menjadi pilihan para pelukis seperti elemen seni bina, bahasa dan penulisan, kostum dan tekstil, motif, peralatan, makanan, permainan dan lain-lain. Semua ini adalah bertujuan untuk digarapkan dalam karya-karya pelukis Malaysia (Arkib Negara, 2006). Pengkaji melihat masalah ini sebagai satu keperluan untuk meneruskan kajian yang lebih bersifat meneroka dan mengkaji tentang ikon budaya dalam seni catan itu sendiri.

Pada awal abad ke-20 ideologi kesenian Barat mula mempengaruhi minda masyarakat Semenanjung Tanah Melayu. Seni catan telah mula mendapat perhatian masyarakat tempatan. Minat dan kecenderungan yang lahir dari ransangan dalam diri mereka sendiri. Pada ketika ini terdapat beberapa orang pelukis catan tempatan yang mula berkarya secara kecil-kecilan. Catan bertemakan naturalisme diolah dalam bentuk landskap, potret dan alam benda manifestasi awal seni catan tempatan. Kebanyakan pelukis tempatan dipengaruhi dengan budaya dan tema catan barat (Redza Piyadasa, 2001). Rupa Malaysia: Meninjau Seni Lukis Moden Malaysia, ms:19. Oleh itu satu tuntutan untuk dijadikan kajian mencari ciri-ciri ikon budaya yang sesuai dengan masyarakat tempatan di Malaysia. Hal ini adalah kerana budaya itu perlu dicorak berlandaskan identiti masyarakat itu sendiri.

Di Negeri Kedah perintis awal kegiatan seni lukis moden ialah Allahyarham Tunku Shuib bin Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Allahyarham Tunku Shuib mempunyai minat yang sangat mendalam dalam bidang seni kerana Allahyarham telah mendapat pendedahan dan didikan formal dalam bidang seni halus dari *Richmond Art School, Chelsea College of Art* dan *Kingston College* di England pada tahun 1925 (Sharifah Fatimah Zubir, 1984). Selain Tunku Shuib, Tunku Fariduddin Tunku Ahmad Tajudin juga salah seorang kerabat diraja Negeri Kedah yang melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti seni lukis. Pelukis yang terdiri daripada rakyat biasa, A.B Ibrahim juga merupakan seorang pelopor kegiatan seni lukis moden Negeri Kedah. Unsur budaya Negeri Kedah ditekan dalam seni catan yang dihasilkan. Paparan kehidupan masyarakat dengan mengetengahkan imej rumah melayu, anyaman kelarai pada dinding sangkar burung, kegiatan menumbuk padi malah kehidupan masyarakat sebagai lambang budaya yang terkenal di Negeri Kedah pada ketika itu (Makzan Musa, 2014).

Elemen budaya dan masyarakat tempatan telah lama menjadi tema dalam karya seni rupa di Malaysia. Elemen-elemen seperti senibina, kostum dan tekstil, bahasa dan penulisan, motif melayu, peralatan, permainan, cerita-cerita rakyat, pengangkutan tradisional masyarakat melayu, makanan, persembahan teater, seni mempertahankan diri malah ekonomi masyarakat melayu adalah antara yang menjadi pilihan para pelukis untuk digarapkan dalam karya-karya mereka (Arkib Negara Malaysia, 2006). Cara penyampaian elemen-elemen ini dalam karya dapat dikesan secara langsung manakala sesetengahnya pula memerlukan interpretasi dan analisis.

Menurut penulisan (Anwar Din, 2008) juga menerangkan tentang budaya itu sendiri boleh disimpulkan daripada sebagai kepercayaan, adat, norma dan juga kesenian dalam sesuatu masyarakat itu. Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu –Islam mempunyai adat dan budaya dalam kehidupan seharian ini juga akan mengangkat dan meninggikan budaya melayu Islam dari segi pergaulan dan juga norma yang diamalkan dalam kehidupan seharian contohnya hormat-menghormati, bertolak-ansur, beramah mesra, tetapi masih dalam batas dan syariat Islam sebagainya. Hal ini kerana manusia memerlukan bantuan dan juga berhubung komunikasi yang telus dan jujur untuk mencapai kehidupan yang lebih harmoni didalam khususnya masyarakat Melayu-Islam. Kepentingan adat resam di dalam hidup masyarakat tidak kira apa bangsa sekalipun tidak dapat dinafikan. Adat dan budaya yang merangkumi seluruh aspek bermula dari kelahiran, perkahwinan sehinggalah kematian terdapat di dalam hidup semua masyarakat di Malaysia. Adat resam merupakan kebiasaan cara hidup yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat yang dapat menggambarkan corak budaya masyarakat tersebut.

Pengetahuan terhadap kebudayaan adalah penting bagi rakyat Malaysia kerana banyak salah faham dan prasangka timbul daripada gagasan untuk mewujudkan kebudayaan kebangsaan Malaysia yang berteraskan kebudayaan peribumi. Ini kerana kebudayaan mempunyai hubungan yang amat rapat dengan masyarakat kerana tidak akan ada kebudayaan sekiranya tidak ada masyarakat.

Pengertian Umum Kebudayaan merupakan aspek yang tidak boleh dipisahkan, kerana ia adalah asas yang menyokong identiti sebuah negara dan kebudayaan. Selain itu, ia merupakan cermin ketamadunan masyarakat tertentu kerana mengandungi elemen ilmu, kepercayaan dan norma budaya. Terdapat tiga aspek kebudayaan iaitu, kebudayaan sebagai sistem yang mengandungi gagasan, norma, peraturan, pengetahuan, kepercayaan dan makna. Kedua, kebudayaan sebagai sistem sosial adalah sesuatu yang mengandungi aktiviti dan tabiat yang berpola daripada masyarakat. Ketiga, kebudayaan fizikal adalah nyata atau sesuatu yang boleh dikesan oleh pancaindera manusia dan merupakan hasil daripada budaya manusia iaitu artifak.

PERNYATAAN MASALAH

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, isu seperti yang berhubung dengan identiti seni dan budaya turut diketengahkan dalam seni lukis tempatan Redza Piyadasa (2001). Kegiatan seni lukis moden terus wujud tidak serentak dengan amalan seni lukis dan seni budaya tradisional, namun begitu yang membuat sumbangan ke arah keunikannya adalah kerana realiti masyarakat kita di Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan budaya. Dalam hal ini pelukis-pelukis mudah menimba sumber-sumber budaya yang pelbagai bagi memperkayakan penerokaan bentuk dan stail dalam penghasilan seni lukis. Yang paling menarik bagaimana pelukis dapat mengilhamkan idea dengan unsur budaya sesama sendiri serta sumber-sumber budaya asing yang wujud di Malaysia. Menyedari hal pengkaji berpendapat perlunya ada satu pengkajian bagi mengklasifikasikan ikon budaya yang terdapat dalam penghasilan karya catan khasnya pelukis Negeri Kedah. Hal ini bagi mengkategorikan ikon budaya mengikut tema dan susunan yang lebih kemas dan teratur.

Tema warisan budaya bangsa pada waktu itu tidak mendapat perhatian dalam kalangan pelukis tempatan kerana mereka didapati lebih berpegang teguh pada prinsip kebebasan dalam berkarya. Dalam hal ini, Siti Zainon (1989) memberi contoh karya-karya awal cat air yang dihasilkan oleh Yong Mun Sen dan Abdullah Arif pada tahun 1930-an. Menurut beliau, pelukis-pelukis di awal dekad kurang menekankan inti kepada tema dalam budaya tempatan. Mereka sekadar menyatakan idea-idea yang diolah berdasarkan beberapa tema atau subjek yang menunjukkan pemandangan atau peristiwa-peristiwa yang berlaku di tanah air (Siti Zainon, 1989) berpendapat sejarah seni budaya tradisi agung didapati semakin mengecil tanpa menunjukkan adanya penggarapan idea-idea tempatan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji unsur sosial dan kemasyarakatan yang terdapat dalam hasil karya catan negeri Kedah dan membuat perbandingan hasil karya catan melalui proses penghasilan karya catan. Kupasan akan dibuat berdasarkan perbandingan karya catan yang dilukis oleh tiga orang pelukis Negeri Kedah sebagai kajian perbincangan dengan menjelaskan deskripsi bentuk fizikalnya.

- i. Untuk mengenal pasti unsur sosial dan kemasyarakatan dalam hasil karya seni catan.
- ii. Untuk mengenalpasti tema dan hasil karya seni catan.


PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah unsur sosial dan kemasyarakatan yang terdapat dalam hasil karya seni catan.
- ii. Bagaimanakah pelukis mengenalpasti tema dan hasil karya seni catan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui pendekatan kajian kepada sesuatu objek, individu atau situasi dalam karya seni catan yang bersifat deskriptif. Tumpuan utama kajian adalah terhadap ikon budaya yang Negeri Kedah oleh tiga orang pelukis Negeri Kedah. Pelukis Negeri Kedah terdiri ialah i) Choh Kiat Siong ii) Rohaizat Shaari dan iii) Zahid Othman. Terdapat empat tema utama yang diutarakan dalam sosial dan kemasyarakatan antaranya tema kekeluargaan, aktiviti harian, ekonomi dan pertanian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan penghuraian secara deskriptif melalui analisis karya-karya pelukis Negeri Kedah menggunakan teori Edmund Burke Feldman yang membahagikan kepada empat langkah iaitu deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan. Data-data yang diperolehi adalah melalui hasil penyelidikan secara pemerhatian dan temubual.

Dapatan Karya 1: “Joy of Living, Kuala Kedah” oleh Choh Kiat Siong



(i)

(ii)

(iii)

(iv)

- (i) Masjid
- (ii) Aktiviti Berjual Beli
- (iii) Figura Berbaju Kurung
- (iv) Figura dan sebuah Basikal Tua


Imej Catan	Deskripsi	Analisis	Interpretasi	Pertimbangan
Masjid 	Sebuah masjid berwarna kekuningan. Terdapat sebuah kubah bersaiz besar dan tiga buah kubah bersaiz kecil. Aspek Formal: Unsur Seni Garisan : Halus, nipis. Bentuk: Bulat, empat segi. Prinsip Rekaan: Kesatuan: Garisan menegak dan melintang memberikan kesatuan.	Berkaitan agama Islam yang dianuti secara turun-temurun oleh masyarakat Melayu. Mempunyai ciri seni bina yang menarik dan ukiran motif Islam. Menjadi lambang kemegahan masyarakat Islam dalam melakukan aktiviti keagamaan.	Masyarakat yang taat kepada Pencipta Yang Maha Esa. Lambang kepercayaan dan nilai keagamaan di kalangan masyarakat kampung. Masyarakat yang tidak leka dalam melaksanakan ibadah harian. Ketenangan dan pengabdian.	Masjid sebagai ikon budaya masyarakat beragama Islam.
Aktiviti berjual beli 	Aktiviti berjual beli. Formal: Unsur Seni Garisan : Halus, nipis Bentuk: Bulat, empat segi. Prinsip Rekaan: Kesatuan: Garisan menegak Imbangan: Tidak simetri	Sebagai salah satu aktiviti yang menyeronok-kan dan menyihatkan. Kerjasama dan kesepakatan yang menyeluruh dalam melakukan aktiviti harian.	Golongan penjual dan pembeli yang saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Memberi keselesaan kepada masyarakat yang berjual beli dan mendatangk-kan pendapatan.	Aktiviti harian yang menyumbang kepada ekonomi kehidupan keluarga. Kemeriahan dalam pasukan yang melibatkan pelbagai kaum.
Seorang figura wanita bertudung 	Seorang figura wanita bertudung dan berbaju kurung. Aspek Formal: Unsur Seni Garisan : Halus, nipis. Prinsip Rekaan: Kesatuan: Garisan.	Pakaian tradisi yang sopan, memenuhi tuntutan syarak. Bertudung dengan mengenakan busana baju kurung yang menutupi badan.	Imej orang Islam yang baik kerana menutup aurat dengan sempurna. Melangkah dengan penuh harapan bagi mencari rezeki menyara kehidupan keluarga.	Imej wanita bertudung, budaya keagamaan dan penggunaan busana pakaian baju Melayu. Nilai dan adat sopan.
Figura dan Sebuah Basikal Tua	Seorang figura sedang menunggang basikal.	Basikal tua sebagai alat pengangkutan dan perhubungan yang	Basikal tua dilihat sebagai alat pengangkutan yang lama dan kolot. Generasi	Kehidupan masyarakat kampung dengan menggunakan basikal sebagai

	Aspek Formal: Unsur Seni Garis : Halus. Prinsip Rekaan: Kesatuan: Garisan.	memudahkan pergerakan. Membawa penumpang.	kini mempunyai banyak pilihan. Mencari rezeki.	alat pengangkutan utama. Tegap dan kukuh dan senang digunakan.
---	---	--	---	---

Karya yang bertajuk "*Joy Of Living*, Kuala Kedah" memaparkan suasana kehidupan yang gembira masyarakat di Kuala Kedah. Aktiviti berjual beli yang menjadi sebahagian daripada aktiviti kehidupan masyarakat setempat sebagai salah satu cara mendapatkan sumber rezeki telah menjadi amalan budaya turun-temurun.

Pemilihan subjek seperti sebuah masjid yang digambarkan di belakang kanvas menjelaskan budaya masyarakat yang taat kepada ajaran agama Islam seiring dengan kegembiraan menjalani kehidupan sebagai masyarakat muslim. Selain itu, figura yang digambarkan dengan kostum baju kurung dan tudung juga memperlihatkan watak yang baik, bersopan dan memelihara hukum syarak. Masyarakat ini juga digambarkan sebagai penternak haiwan secara tradisional melalui pemilihan objek seperti seekor kambing yang berwarna kuning kecoklatan dan seekor lembu yang berada di bahagian belakang kanvas.

Dapatan Kajian Karya 2: "Keringat" oleh Rohaizad Shaari




(i)



(ii)



(iii)



(iv)

- (i) Basikal
- (ii) Kanak-kanak Membawa Kubota
- (iii) Pemandangan Kampung
- (iv) Kubota

Imej Catan	Deskripsi	Analisis	Interpretasi	Pertimbangan
Basikal Tua 	Sebuah basikal tua berwarna hitam diletakkan dalam kedudukan menghala ke hadapan. Aspek Formal: Unsur Seni Garis: Halus, tebal. Prinsip Rekaan: Kesatuan: Bentuk.	Basikal tua digunakan sebagai pengangkutan utama. Mempunyai fungsi sebagai pengangkutan masyarakat dahulu. Keperluan untuk mencari rezeki.	Kini, basikal tua sudah jarang digunakan sebagai alat pengangkutan kerana telah ada bermacam-macam jenis pengangkutan yang lebih moden. Selesa dan senang didapati.	Gerek digunakan dalam pelbagai perkara dan senang untuk dibawa. Menjadi keperluan pada setiap keluarga untuk memiliki basikal sebagai alat pengangkutan.
Kanak-kanak membawa Kubota 	Figura kanak-kanak lelaki berbaju merah, berseluar pendek berwarna biru tua. Aspek Formal: Unsur Seni Garis: Halus, tebal. Prinsip Rekaan: Kesatuan: Garisan	Figura kanak-kanak dalam postur duduk bergantung kaki sambil kedua-dua tangannya memegang <i>handel</i>. Kanak-kanak sudah diajar untuk melakukan pekerjaan.	Kemajuan dan kemodenan masa kini tidak lagi dapat dilihat/jarang dilihat senario kanak-kanak membuat kerja berat seperti kerja membajak sawah. Ketenangan dan keselesaan dalam melaksanakan tugas seharian.	Peranan seorang kanak-kanak lelaki dalam membantu keluarga mengerjakan sawah bendang adalah perkara biasa bagi masyarakat Melayu dahulu.
Landskap kampung 	Pohon kelapa yang tinggi dan rendah. Aspek Formal: Unsur Seni Garis: Halus, tebal. Jalinan sentuh. Prinsip Rekaan: Kesatuan: Garisan.	Latar belakang kanvas dipenuhi dengan tumbuhan-tumbuhan hijau. Semula jadi.	Menampakkan suasana kampung yang aman, damai dan sentosa.	Suasana kampung yang penuh kedamaian, damai dan tenang. Kesibukan.
Kubota 	Mesin membajak sawah. Aspek Formal: Unsur Seni Garis: Halus, tebal. Prinsip Rekaan: Kesatuan: Garisan.	Kubota merupakan alat penting dalam penanaman sawah padi pada masa dahulu.	Mesin kubota sudah jarang kelihatan di sawah bendang kerana pelbagai mesin yang lebih moden.	Alat pembajak sawah yang semakin moden. Bentuk yang tegap dan kukuh.


Karya Rohaizad Shaari yang bertajuk “Keringat” yang dihasilkan pada tahun 2019 ini memaparkan sebuah kehidupan masyarakat tradisional yang mengusahakan sawah padi bersama jentera separa moden yang dikenali sebagai Kubota dan basikal tua yang digunakan sebagai alat pengangkutan. Selain itu, memperlihatkan peranan seorang kanak-kanak dalam membantu mengusahakan tanaman sawah padi.

Terlihat sebuah mesin membajak sawah iaitu Kubota di bahagian tengah kanvas. Kubota kelihatan tenggelam di dalam tanah sawah/selut. Kubota alat penting dalam penanaman sawah padi pada masa dahulu. Alat pembajak sawah berfungsi secara tradisional untuk menggemburkan tanah bendang. Alat pembajak sawah merupakan peralatan penting yang banyak meringankan beban pesawah. Namun ketika ini alat tersebut sudah jarang dijumpai. Mesin Kubota sudah jarang kelihatan di sawah bendang kerana pelbagai mesin yang lebih moden telah dicipta dan menggantikan kubota.

Sebuah basikal tua berwarna hitam diletakkan dalam kedudukan menghala ke hadapan. Basikal tua digunakan sebagai pengangkutan utama. Kini, basikal tua sudah jarang digunakan sebagai alat pengangkutan kerana telah ada bermacam-macam jenis pengangkutan yang lebih moden. Tanah bendang yang bergenang dengan air selepas proses membajak. Proses membajak merupakan proses penting dalam penanaman padi. Unsur ruang yang sangat menarik menggunakan ruang depan tengah dan belakang. Catan dilihat lebih seimbang. Imej basikal juga menampakkan kesan penegasan dalam catan.

Dapatan Karya 3: “Serkap Ikan” oleh Zahid Othman





(i)



(ii)



(iii)

- (i) Serkap Ikan
(ii) Figura Kanak-kanak
(iii) Menyerkup ikan

Imej Catan	Deskripsi	Analisis	Interpretasi	Pertimbangan
Serkap Ikan 	Dua buah serkap ikan. Aspek Formal: Unsur Seni Garis: Halus, tebal. Prinsip Rekaan: Kesatuan: Bentuk.	Jika dahulu, serkap ikan sering digunakan dalam kehidupan harian masyarakat kampung.	Kini, serkap ikan sudah jarang ditemu. Peralatan menangkap ikan secara tradisional.	Aktiviti harian musim penanaman padi. Menangkap ikan menggunakan serkap.
Figura Kanak-Kanak 	Aktiviti menangkap ikan. Aspek Formal: Unsur Seni Garis: Halus.	Aktiviti yang sangat menghiburkan dan lasak	Aktiviti yang kian dilupakan.	Aktiviti harian kanak-kanak.
Menyerkup ikan 	Menangkap ikan di tanah paya atau tali air. Aspek Formal: Unsur Seni Garis: Halus, tebal. Prinsip Rekaan: Kesatuan: Bentuk.	Kaedah yang memerlukan kemahiran yang tertentu.	Mempunyai kemahiran. Cekap dan tangkas.	Kegirangan dan kemeriahan kanak-kanak dimusim menangkap ikan.

Karya yang bertajuk "Serkap Ikan" menonjolkan elemen-elemen tradisional dalam kehidupan masyarakat kampung. Serkap Ikan, tali air dan kawasan tanah paya yang luas merupakan imej yang menceritakan latar kehidupan yang dilalui oleh masyarakat tradisional. Aktiviti menangkap ikan air tawar menggunakan alat tradisional seperti serkap ikan merupakan aktiviti yang digemari dan mampu memberikan kegembiraan dan keseronokan kepada golongan kanak-kanak khususnya. Aktiviti seperti ini memberikan ruang kepada kanak-kanak untuk menjadi tangkas, cekap dan berani.

Hari ini, aktiviti menangkap ikan menggunakan serkap ikan sudah jarang ditemui. Peralatan menangkap ikan air tawar seperti serkup ikan dalam karya ini merupakan peralatan tradisional yang diperbuat daripada buluh. Digunakan oleh masyarakat tradisional untuk menangkap ikan di sungai. Reka bentuk dan fungsi serkup ikan menggambarkan pengalaman hidup dan adaptasi terhadap alam sekitar. Kawasan lumpur dan berair terdapatnya pelbagai jenis ikan. Keadaan muka bumi kampung tradisional yang ketika ini sudah jarang ditemui. Latar belakang yang menjanjikan tenang dan kedamaian memaparkan imej sebuah perkampungan yang aman damai dan harmoni. Unsur jalinan dan garisan dapat dilihat dalam catan ini. Jalinan sentuh pada serkap ikan dan batang padi. Warna harmoni kuning keemasan memenuhi catan dan juga terdapat unsur penegasan pada figura kanak-kanak lelaki yang sedang menyerkap ikan.

DAPATAN TEMA KEKELUARGAAN

Paparan imej aktiviti yang dijalankan bersifat kekeluargaan yang terdapat pada semua pelukis. Masyarakat kampung sangat menitik beratkan nilai kekeluargaan. Budaya ini menjadi budaya tradisi yang turun temurun dalam kehidupan. Keutamaan yang diberikan kepada kekeluargaan berlaku dalam setiap aktiviti harian, sama ada dalam aktiviti pekerjaan mahupun ekonomi. Budaya menghormati antara satu sama lain dan kerjasama sepasukan dalam menjalankan setiap aktiviti.

DAPATAN TEMA AKTIVITI HARIAN

Semua pelukis menghasilkan karya yang mempunyai tema aktiviti harian yang merangkumi aspek budaya dan nilai kemasyarakatan. Aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan pergerakan manusia melakukan tugas seharian. Kebanyakan figura melakukan budaya jualan dan pembelian di kedai di kawasan perkampungan. Figura berada dalam kumpulan pelbagai bangsa sambil berbual mesra. Karya aktiviti harian ini memaparkan budaya kehidupan yang gembira masyarakat di Negeri Kedah. Aktiviti jual beli yang dilakukan oleh masyarakat bagi menampung kos kehidupan dan paparan aktiviti juga untuk mendapatkan sumber rezeki telah menjadi amalan budaya turun-temurun.

Aktiviti harian menyerkap ikan yang hanya memakai kain pelikat separuh lutut dengan memakai serkup di bahagian kepala menggambarkan masyarakat tradisi yang masih mengekalkan budaya turun temurun, begitu juga dengan aktiviti harian dengan menjual beli seperti karya '*Joy of Living*' yang dihasilkan oleh Choh Kiat Siong. Aktiviti seperti ini menjadikan masyarakat dahulu begitu akrab dengan alam sekeliling. Selain daripada itu aktiviti harian mencari rezeki dengan bersawah padi, menangkap ikan seperti karya 'Serkap Ikan' oleh Zahid Othman dan karya 'Keringat' oleh Rohaizat Shaari, juga menjadi paparan yang sangat menarik untuk diketengahkan kepada masyarakat. Budaya masyarakat kampung yang sentiasa berkerja keras dengan membajak sawah dan sebagainya.

DAPATAN TEMA EKONOMI

Semua karya memaparkan tema ekonomi. Unsur budaya yang menampakkan ciri aktiviti masyarakat yang sangat berkait rapat dengan sumber pendapatan. Mata pencarian utama dalam sumber ekonomi masyarakat ketika ini seperti menjual beli, bertani, serkap ikan, dan juga menghasilkan barangan kraf untuk dijual. Aktiviti ekonomi secara kampung yang dijanakan bagi melangsungkan kehidupan sekeluarga telah dianggap satu budaya yang mencerminkan usaha yang bersungguh-sungguh tanpa mengenal erti penat. Budaya yang dianggap turun-temurun masyarakat ini boleh dianggap sesuatu yang unik kerana semua masyarakat menganggap pendapatan merupakan satu keperluan kepada mereka. Karya yang bertajuk "*Joy Of Living*", Kuala

Kedah” memaparkan suasana kehidupan yang gembira masyarakat di Kuala Kedah. Aktiviti berjual beli yang menjadi sebahagian daripada aktiviti kehidupan masyarakat setempat sebagai salah satu cara mendapatkan sumber rezeki telah menjadi amalan budaya turun-temurun.

DAPATAN TEMA AKTIVITI PERTANIAN

Tema aktiviti pertanian merupakan satu tema budaya tradisional yang sangat dekat dengan Negeri Kedah. Kebanyakan sumber pendapatan penduduk Negeri Kedah banyak menumpukan kepada pertanian. Teknik tradisional masih digunakan dalam melakukan aktiviti pertanian, dengan menggunakan binatang seperti kerbau dan lembu untuk membajak tanah, menggunakan peralatan kayu sebagai badai untuk meratakan tanah. Aktiviti pertanian merupakan satu fenomena yang dapat dilihat dengan jelas pada masyarakat Negeri Kedah yang kebanyakan mengusahakan sawah padi seperti yang terdapat dalam karya ‘Keringat’ dan ‘Serkap Ikan’. Penghayatan nilai budaya yang digambarkan oleh pelukis adalah menghargai warisan turun temurun pada penggunaan peralatan. Menjadi suatu nilai kemasyarakatan yang akan terus diingati oleh generasi akan datang.

PENUTUP

Seharusnya kita perlu menghayati sepenuhnya nilai budaya dan mengembelengkannya untuk faedah kita bersama. Pengkaji berpendapat dalam hal ini kita semakin perlu untuk memikirkan semula dan mendefinisikan semula tanggapan kita tentang persepsi nilai budaya dan sejarah budaya yang selama ini kurang diberi penekanan oleh masyarakat kita sendiri. Kita mestilah mempunyai satu wawasan dalam memperluaskan dari sudut sosio budaya dan berupaya mengungkap perasaan yakin terhadap nilai budaya (cultural confident) dalam peradaban yang lebih tinggi. Seharusnya perasaan yang tidak kukuh atau kurang stabil (insecurities) sebenarnya perlu dibuang dalam diri kita. Seharusnya indentifikasi budaya yang bersifat baru perlu kita wujud bagi generasi akan datang agar dapat dilihat kesempurnaan selaras dengan kemajuan negara.

KESIMPULAN

Kebudayaan yang menjadi tunjang kepada kehidupan harian masyarakat tidak dapat dipisahkan kerana ianya melibatkan tradisi turun temurun. Masyarakat kini seharusnya sedar nilai dan falsafah yang terkandung dalam setiap penghasilan karya catan yang memaparkan klasifikasi dan tema budaya yang terdapat dalam karya catan. Pelukis cuba mengolah dengan merakam peristiwa dan kesan sejarah dalam bentuk visual semat-mata untuk menjadi rujukan pada generasi akan datang. Seharusnya kita lebih peka dengan penghasilan catan bertemakan budaya yang dihasilkan oleh pelukis-pelukis Negeri Kedah ini sebagai satu aset sei visual masa akan datang. Generasi kini perlulah mengembeling tenaga bagi meneruskan penghasilan seni catan yang mencorakkan masa depan budaya untuk dijadikan bahan rujukan dari masa ke semasa.

RUJUKAN

- Ahmad Suhaimi Mohd Noor. 2011. *Sejarah Kesedaran Visual di Malaya*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Arkib Negara Malaysia, (2006). *Panduan Sumber-sumber Bahan Mengenai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Makzan Musa, 1987. “Pameran Warna-warna ‘87” dlm. *Dewan Budaya*, hlm. 34-35, Februari 1987.

- Makzan Musa, 2014. "Seni Lukis Kedah Darul Aman" dalam *Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur*.
- Makzan Musa, 2001. "Perkembangan Seni Lukis Moden Negeri Kedah Darul Aman". *Kertas kerja dalam seminar Kedah 100 tahun (1980-2000)*. Institut Kajian Darul Aman, Universiti Utara Malaysia, Sintuk 2001.
- Redza Piyadasa. 1981. *Pengolahan Lanskap Tempatan dalam Seni Moden*. Kuala Lumpur: Muzium Seni Negara.
- Redza Piyadasa. 2000. *Rupa Malaysia. Meninjau Seni Lukis Moden Malaysia*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Sharifah Zuriah Al Jefri, Wiyoso Yudoseputra, Jeannie E Javelosa, Susie Kaoy & Channarong Pornrunroj. 2001. *Visual Arts in Asean. Continuity and Change*. Kuala Lumpur: ASEAN Committee on Culture and Information.
- Sharifah Fatimah Zubir, "Muzium Diraja dan Balai Seni Negeri Kedah" dlm. *Dewan Budaya*, hlm,8-9, Disember 1984.
- Siti Zainon Ismail. 1989. *Percikan Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 1994. *Tekstil Tenunan Melayu: Keindahan Budaya Tradisional Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail. 2008. *Seni Suara dan Muzik* dalam Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu. Dlm. Anwar Din (penyt.). hlm. 203-220. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.